

24 Mei 2016

KENYATAAN MEDIA 1

**Oleh YAB TUAN LIM GUAN ENG  
KETUA MENTERI PULAU PINANG  
pada Sidang Media selepas Mesyuarat Agong Tahunan (AGM) PBAHB  
ke 16**

**TIADA CATUAN AIR DI PULAU PINANG DAN  
KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI (PAT) RM38 JUTA**

PULAU PINANG, Selasa (24/5/2016): Pencapaian utama bagi PBA HOLDINGS BHD (rujukan stok: PBA - 5041) pada tahun 2015 adalah:

1. Memastikan tiada catuan air di Pulau Pinang pada tahun dalam kajian; dan
2. Pencapaian keuntungan selepas cukai (PAT) sebanyak RM38.00 juta, berbanding RM24.76 juta pada tahun 2014.

Sehubungan itu, mesyuarat agung tahunan ke-16 syarikat (AGM) meluluskan dividen akhir satu peringkat sebanyak 4.0% bagi tahun dalam kajian. Jumlah pembayaran dividen akhir adalah RM6.62 juta.

Oleh itu, dividen bersih yang dicadangkan dan diisyiharkan oleh PBAHB bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 berjumlah kira-kira 7.5%. Ini merupakan tahun ke-13 berturut-turut PBAHB memberi imbuhan dividen kepada semua pemegang sahamnya.

PBAHB adalah syarikat pegangan awam bagi Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP), operator bekalan air yang dilesenkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk menyediakan perkhidmatan di Negeri Pulau Pinang.

Pada tahun 2015, sumber utama perolehan Kumpulan Syarikat PBAHB adalah penjualan air kepada 575,474 pengguna air berdaftar di Pulau Pinang.

Pada tahun kajian, penjualan air menjana perolehan sebanyak RM300.325 juta bagi syarikat, berbanding RM261.017 juta pada tahun 2014, mencerminkan peningkatan nilai peratusan sebanyak 15.06%. Perolehan daripada operasi lain menyumbang tambahan RM11.245 juta.

Sementara itu, kos jualan adalah RM207.119 juta manakala perbelanjaan pentadbiran pula adalah RM60.632 juta.



Dengan mengambil kira pendapatan faedah, PBAHB mencatatkan keuntungan sebelum cukai (PBT) sebanyak RM44,770 juta. Perbelanjaan cukai berjumlah RM6.770 juta, sekaligus mencatatkan PAT sebanyak RM38.00 juta.

Terkini, iaitu sehingga tahun 2016, PBAPP terus berpegang kepada prinsip "tiada catuan air walau apa cara sekalipun" di Pulau Pinang.

Musim kemarau berpanjangan yang disebabkan oleh Super El Niño berlanjutan selama lima bulan. Walau bagaimanapun, dengan pelaksanaan protokol kawalan cuaca kemarau yang berkesan, simpanan air di Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang masing-masing masih mampu bertahan sekurang-kurangnya 49 hari dan 151 hari, tanpa hujan, sehingga semalam, 23 Mei 2016.

Sementara itu, PBAPP masih mampu memperolehi lebih daripada 1 bilion liter sehari air mentah dari Sungai Muda di Seberang Prai Utara untuk dirawat di Loji Rawatan Air Sungai Dua, yang membekalkan lebih daripada 80% air terawat bagi Pulau Pinang.

Oleh itu, PBAPP juga mampu menyediakan liputan bekalan 100% di bandar dan 99.7% di luar bandar bagi Negeri Pulau Pinang.

Walaupun terdapat sedikit hujan pada bulan Mei 2016, PBAPP masih di tahap berwaspada. Kami akan terus memantau bekalan air mentah yang mencukupi di semua empangan di Pulau Pinang dan juga di Sungai Muda.

Status waspada ini akan hanya dinyahaktifkan apabila kapasiti efektif Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang di Pulau Pinang mencapai 60%; dan tahap efektif Empangan Beris dan Empangan Muda di Kedah (yang direka untuk melepaskan air ke dalam Sungai Muda) berada pada tahap 50%.

Terima kasih.

---

Hubungi: Syarifah Nasywa Syed Feisal Barakbah  
Corporate Communications & Events Management Unit  
Tel: 04 200 6607 | Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)